

# USIM latih bakal usahawan

RASULULLAH SAW ada bersabda yang maksudnya, sembilan persepuluh pendapatan itu adalah daripada hasil perniagaan.

Hadis ini antara lain menggalakkan umat Islam agar menceburi bidang keusahawanan dan perniagaan. Melaluinya bukan sahaja boleh menjana pendapatan tetapi juga mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada orang lain.

Menyedari hakikat ini, Fakulti Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menganjurkan Persidangan Perniagaan dan Keusahawanan Islam 2009 (iBEC), awal Jun lalu.

Ia dianjurkan bersama oleh Majlis Keusahawanan Mahasiswa Universiti-Universiti Malaysia (Makmum) dan Institut Keusahawanan Negara (Insken).

Program dua hari itu dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merangkap Timbalan Pengerusi

Makmum, Datuk Dr. Mortaza Mohamed.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor HEP dan Alumni USIM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah.

Mohamed Asin berharap, mahasiswa dapat menerapkan nilai-nilai moral dalam menjalankan sebarang urusan niaga dan keusahawanan.

Sebanyak 18 kertas kerja dibentangkan sepanjang seminar yang dihadiri oleh para mahasiswa institut pengajian tinggi awam dan swasta itu.

Antara objektif program adalah menjadi platform perbincangan di antara pakar di sektor industri dan ahli akademik untuk mengetahui perkembangan terkini dalam sektor pembangunan ekonomi.

Seterusnya membantu menggalakkan pembangunan usahawan tulen yang berkualiti, berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing dalam semua sektor serta memupuk budaya keusahawanan dan koperasi di kalangan rakyat Malaysia.



**DEKAN** Fakulti Ekonomi dan Muamalat USIM, Prof. Dr. Hajah Mustafa Mohd. Hanefah menyampaikan cenderahati kepada Dr. Mohamed Asin Dollah (tiga dari kanan) sambil diperhatikan Dr. Mortaza Mohamed pada majlis perasmian Persidangan Perniagaan dan Keusahawanan Islam 2009 (iBEC), awal Jun lalu.